

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYSIA DI ALOR SETAR  
DI DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA  
PJK NO : KA-44-81-09/2018**

---

Dalam perkara satu permohonan *habeas corpus* oleh Pemohon-pemohon dalam tindakan ini

DAN

Dalam perkara pengaduan berkenaan pengingkaran dan pencabulan hak-hak fundamental dan asasi Pemohon-pemohon

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5(3) dan 8 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara tahanan salah dan/atau tidak teratur Pemohon-pemohon di Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah

DAN

Dalam perkara Seksyen 365(a)(ii) Kanun Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

DAN

Dalam perkara Seksyen 367 Kanun  
Prosedur Jenayah

DAN

Dalam perkara seksyen-seksyen 4 dan  
5 Kanun Prosedur Jenayah

DAN

Dalam perkara bidangkuasa sedia ada  
Mahkamah

**ANTARA**

1. **RUWAIDA@ROYEDA BINTI MUHAMMAD SIDDIQ (Kanak-kanak Rohingya berumur 5 tahun)**
- 10 2. **MUHAMMAD IHSAN@MD YEHESAN BIN MUHAMMAD SIDDIQ (kanak-kanak Rohingya berumur 10 tahun)**
3. **JANNATA NOYUM@JUNNOTOR NUEM BIN MUHAMMAD SIDDIQ (Kanak-kanak Rohingya berumur 11 tahun)**
4. **MOHAMMAD NOOR BIN MOHAMMADULLAH@MD NOR (Kanak-kanak Rohingya berumur 12 tahun)**
- 15 5. **SETARA BINTI MOHAMMADULLAH@SEYTAARA BEGOM (Kanak-kanak Rohingya berumur 12 tahun)**
6. **KAMAL HUSON BIN GUNI AHMAD (Kanak-kanak Rohingya berumur 13 tahun)**
- 20 7. **KAMAL HUSON BIN MUNIUZ ZAMAN (Kanak-kanak Rohingya berumur 14 tahun)**

... PEMOHON-PEMOHON

**DAN**

1. **KOMANDAN, DEPOT IMIGRESEN BELANTIK, KEDAH**
- 25 2. **PENGARAH, JABATAN IMIGRESEN NEGERI KEDAH**
3. **KETUA PENGARAH, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**
4. **KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA**

... RESPONDEN-RESPONDEN

**ALASAN PENGHAKIMAN**

## 5 PENDAHULUAN

1. Pemohon-pemohon adalah merupakan kanak-kanak ethnuk Rohingya Muslim. Oleh kerana keadaan yang timbul berkenaan kerakyatan di negara Myanmar, mereka telah lari keluar dari negara itu dan kini mencari "*asylum*" di negara ini, Malaysia.

10

2. Di dalam usaha mereka untuk memasuki Malaysia, pada 3.4.2018, pihak berkuasa Malaysia telah menahan sebuah bot yang membawa 56 orang ethnuk Rohingya di perairan Pulau Langkawi, Kedah. Mereka kemudiannya telah dirujuk dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk tindakan lanjut.

15

3. Pada 4.4.2018, En. Rozli bin Had, Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), telah mengeluarkan satu notis tahanan di bawah sek. 51(5)(b) Akta Imigresen, untuk menahan pemohon-pemohon selama 14 hari, mulai 3.4.2018 sehingga 16.4.2018 untuk tujuan siasatan, Jabatan Imigresen.

20

4. Mereka, bagaimanapun telah gagal dibawa ke hadapan Majistret untuk perintah tahanan dikeluarkan di atas pertimbangan Majistret.

25

- 5 5. Sehingga sekarang pemohon-pemohon tidak dipertuduhkan dengan apa-apa kesalahan ataupun disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Imigresen tersebut (Akta tersebut).
6. Seterusnya pada 16.4.2018, *Deputy Asst. Director Jabatan Imigresen*, Kedah, En. Phon A/L Ai Liap, telah mengeluarkan satu *Order Of Removal* di bawah sek. 32(1) Akta tersebut, atau lebih dikenali sebagai perintah pengusiran, dan juga perintah tahanan terhadap pemohon-pemohon.
- 10
- 15 7. Pemohon-pemohon yang tidak berpuas hati telah memfailkan Notis Usul ini, di antara lainya untuk mencabar perintah di atas seterusnya memohon satu *Writ Of Habeas Corpus* dikeluarkan kepada mereka untuk mereka dibebaskan oleh Mahkamah ini di atas alasan perintah tersebut tidak muktamad dan juga
- 20 ketidakpatuhan prosedur.

### **Isu-isu yang dibangkitkan**

8. Pemohon-pemohon melalui peguambela terpelajar telah
- 25 membangkitkan isu-isu berikut;

*(a) Non-Compliance With Mandatory Procedure Requirements  
Within the Applicant's Substantive Rights.*

5                   ***(b) Whether there is a defective and irregular detention order  
and Deportation Order.***

***(c) Whether the deportation Order and Detention Order could be  
fulfilled within a reasonable time?***

10    9.    Pada tarikh yang lalu kedua-dua pihak telah berhujah, hujahan  
bertulis pihak-pihak juga telah turut difailkan. Saya juga telah  
berkesempatan mendengar dan membaca hujah-hujah tersebut  
beserta dengan affidavit-afidavit dari kedua-dua belah pihak.

15    **Keputusan Mahkamah**

10.    Justeru itu saya telah membuat keputusan seperti berikut :

20           (a)    Tidak dipertikaikan bahawa, menurut s.3(3) Akta Imigresen  
1959/63 dengan jelasnya meletakkan, kuasa-kuasa dan  
kuasa-kuasa budi bicara untuk perjalanan tugas kepada  
Ketua Pengarah Imigresen olehnya dan juga untuk  
dijalankan oleh Penolong Pengarah Imigresen atau  
Pegawai-pegawai Kanan Imigresen yang diberikan kuasa  
25           bagi pihak Ketua Pengarah untuk dilaksanakan. Kes **Pua**

5

**Kiam Wee vs. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia &  
Anor [2017] MLJU 902.**

10

- (b) Timbalan Pendakwa Raya terpelajar telah berhujah bahawa kuasa-kuasa ini juga termasuklah kuasa untuk menahan dan pengusiran seseorang yang bukan warganegara keluar dari negara ini dan arahan-arahan ini juga menurut Timbalan Pendakwa Raya terpelajar, tidak perlu dinyatakan sebab-sebabnya. Timbalan Pendakwa Raya terpelajar telah juga merujuk kepada sek. 31, 32(1) dan 33 Akta tersebut; iaitu kuasa pengusiran terhadap orang-orang yang menduduki Malaysia dengan salah.

15

- (c) Timbalan Pendakwa Raya terpelajar juga turut merujuk kepada sek. 56(2), iaitu berbunyi berikut,

20

***(2) Any person who is not a citizen unlawfully entering or reentering or attempting unlawfully to enter or re-enter Malaysia or unlawfully remaining in Malaysia shall whether or not any proceedings are taken against him in respect of the offence be liable to be removed from Malaysia by order of the Director General.***

25

**(Rujuk Tab A Hujahan Responden)**

- 5 (d) Berdasarkan sek. 56(2) ini Timbalan Pendakwa Raya terpelajar berhujah bahawa perintah pengusiran dan perintah penahanan yang dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon itu adalah sah.
- 10 (e) Seterusnya Timbalan Pendakwa Raya juga telah merujuk kepada sek. 34 Akta tersebut yang memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan kepada orang yang diperintahkan supaya dikeluarkan daripada Malaysia.
- 15 (f) Saya bersetuju dengan hujahan-hujahan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar di atas berkenaan kuasa yang diletakkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen
- 20 Malaysia, iaitu sepertimana yang termaktub di dalam Akta 155 tersebut iaitu kuasa untuk deportasi dan kuasa untuk menahan sebelum seseorang bukan warganegara itu diusir atau didepotasikan.
- 25 (g) Berdasarkan kepada itu, saya berpuashati, Responden Kedua dan Responden Ketiga tidak melakukan apa-apa ketidakpatuhan prosedur yang membolehkan satu *Writ Of*



5

*Habeas Corpus* dikeluarkan terhadap pemohon-pemohon.  
Rujuk kes : **Lee Kek Keong lwn. TMDN dan lain-lain**  
**[2018] MLJU 234** dan **Andrew s/o Thamboosamy vs.**  
**Superintendent of Pudu Prison, K.L [1976] 2 MLJ 156.**

10

(h) Berdasarkan kepada itu, Mahkamah ini berpendapat bahawa perintah tahanan terhadap pemohon-pemohon adalah sah, terutamanya kerana pemohon-pemohon ini bukanlah warganegara Malaysia dan tidak mempunyai apa-apa kebenaran untuk masuk dan berada di Malaysia. Oleh itu ia tidak melanggar perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

15

(i) Peguambela terpelajar telah membangkitkan isu bahawa satu keperluan kepada "*necessary protection and humanitarian assistance*" daripada pihak UNHCR patut diberikan kepada pemohon-pemohon, memandangkan bahawa pemohon pertama adalah merupakan seorang kanak-kanak perempuan berumur 5 tahun, manakala pemohon-pemohon yang lain juga merupakan juvana.

20

25

(j) Berdasarkan kepada faktor-faktor ini pemohon-pemohon tidak sepatutnya dibenarkan terus di tahan di Kem Tahanan

5 di Belantik yang dikendalikan oleh pihak Imigresen. Mengenai isu ini peguambela terpelajar telah merujuk kepada *Article 22 Of The Convention On The Rights Of The Child*, di mana Malaysia juga menganggotainya.

10 (k) Tanpa perlu mengulas dengan lebih lanjut, mahkamah ini berpendapat, penahanan lanjut pemohon-pemohon di Kem Tahanan Belantik itu adalah, telah melanggar hak kanak-kanak yang terkandung di dalam CRC tersebut juga Akta Kanak-kanak 2001 yang turut mengiktiraf hak perlindungan dan bantuan di dalam semua keadaan kepada kanak-kanak  
15 tanpa mengira bangsa, warna, jantina, bahasa, agama dll.

(l) Berdasarkan kepada alasan-alasan ini, dan kuasa-kuasa  
20 sedia ada kepada Mahkamah Tinggi, saya menerima *prayer alternative* pemohon-pemohon supaya mereka dibenarkan untuk diletakkan di sebuah pusat perlindungan yang boleh memberikan jaminan dan kebajikan kepada pemohon-pemohon. Mahkamah ini berpendapat Yayasan Chow Kit  
25 adalah merupakan satu *shelter* yang sesuai dan boleh memberikan jaminan-jaminan kepada faedah-faedah kebajikan ini.

5

10

15


20

25

30

- (m) Pemohon-pemohon sebagai orang asing hendaklah diletakkan di bawah jaminan iaitu RM500.00 setiap seorang dengan seorang penjamin, warganegara Malaysia. Pemohon-pemohon juga hendaklah dijamin keselamatan dan kebajikan mereka di "*shelter*" tersebut dalam masa tahanan ke atas mereka itu dan dijadikan "*available*" pada setiap masa yang diperlukan oleh pihak berkuasa untuk apa-apa tindakan lanjut terhadap mereka, termasuklah untuk menghadiri ke mahkamah bagi menjawab apa-apa pertuduhan jika ada.

Disediakan oleh,

  
**(YA Dato' Haji Ghazali bin Haji Cha)**  
Hakim Mahkamah Tinggi  
Alor Setar  
Kedah Darul Aman.

5 **PEGUAMBELA DAN PEMOHON-PEMOHON**

Encik Collin Andrew (Lee Shee Pin bersamanya)

Tetuan Collin's Law Chambers

Peguamcara & Peguambela

10 B-23-A-22, Tower B

The Scott Garden

289, Jalan Klang Lama

58100 Kuala Lumpur

15 Puan Nabilah Ahmad Po'ad bagi pihak Timbalan Pendakwa Raya

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah

Tingkat 1 & 2, Bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Bandar Muadzam Shah

20 06500 Alor Setar, Kedah

Peguam-Peguam Pemerhati ('Watching Brief')

Megalai ap V. Raman bagi

25

5 1) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001, Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

2) Majlis Peguam Bar Council Malaysia

10 15 Leboh Pasar Besar

50050 Kuala Lumpur

Rosman Azwan bagi Asylum Access Malaysia

15 Pemerhati

United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR)

570, Jalan Bukit Petaling

50460 Kuala Lumpur

20

25

5 **RUJUKAN KES**

- 1) Pua Kiam Wee vs. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Anor  
[2017] MLJU 902
- 2) Mallal's Criminal Procedure, 4th Edition, di m.s 551
- 10 3) Lee Kek Keong lwn. TMDN dan lain-lain [2018] MLJU 234
- 4) Andrew s/o Thamboosamy vs. Superintendent of Pudu Prison, K.L  
[1976] 2 MLJ 156

15

20

25

5 **RUJUKAN STATUT**

- 1) Seksyen 365(a)(ii) Kanun Prosedur Jenayah
- 2) Seksyen 367 Kanun Prosedur Jenayah
- 10 3) Seksyen-seksyen 4 dan 5 Kanun Prosedur Jenayah
- 4) Sek. 51(5)(b) Akta Imigresen

15